

19,000 pesakit buah pinggang tunggu organ baharu

KUALA LUMPUR - Pesakit buah pinggang di negara ini perlu menunggu antara lima hingga 10 tahun sebelum tiba giliran mereka bagi mendapatkan rawatan pemindahan organ baharu.

Ketua Pendidikan Awam Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF), Maznifah Fatah berkata, tempoh lama itu kerana ketika ini hanya satu peratus daripada 30 juta penduduk Malaysia, berikrar menderma buah pinggang.

“Ini kerana, kurangnya kesedaran orang ramai mengenai kepentingan men-

derma organ bagi membantu mereka memerlukan,” katanya sempena kempen menderma organ di sini, semalam.

Menurutnya, pada masa ini, terdapat lebih 19,000 pesakit buah pinggang yang sedang menunggu mendapatkan organ baharu.

Katanya, selain pesakit buah pinggang, pesakit lain yang turut menunggu pendermaan organ baharu termasuk pesakit jantung, seramai tujuh orang, manakala hati dan paru-paru, masing-masing enam orang. - *Bernama*